

SOALAN NO: 130

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 9 JUN 2014

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jumlah syarikat-syarikat yang gagal melaksanakan gaji minimum dan tindakan undang-undang yang akan diambil sehingga sekarang.

PR-1322-L61518

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, sehingga 30 April 2014 jumlah pemeriksaan berkanun yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) adalah sebanyak 11,123 majikan dan daripada jumlah tersebut didapati 250 (2%) majikan tidak melaksanakan gaji minimum dan tindakan notis pematuhan telah dikeluarkan.

2. Sehingga April 2014, sebanyak 27 kertas pendakwaan telah dibuka dan dari jumlah ini 3 kes telah diberikan izin untuk mendakwa oleh Timbalan Pendakwa Raya. Tindakan pendakwaan diambil selepas para majikan gagal melaksanakan gaji minimum masih berdegil dan tidak mengendahkan amaran yang dikeluarkan.